



## **KENYATAAN MEDIA**

### **KEDUDUKAN SEMASA TAKUNGAN KETIGA-TIGA EMPANGAN DI BAWAH LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)**

ALOR SETAR, 6 Disember - Turunan hujan dalam suku keempat tahun 2017 yang lebih dari biasa membolehkan takungan ketiga-tiga Empangan MADA iaitu Pedu, Muda dan Ahning meningkat menghampiri paras penuh. Peratus takungan hari ini bagi Empangan Pedu ialah 98.87%, Muda 107.60% dan Ahning 90.80%.

Empangan Muda telah mula melimpah pada 8 Oktober 2017 dan telah berakhir pada 20 Oktober 2017. Limpahan kali ke 2 mula berlaku pada 4 November 2017 sehingga kini (6 Disember 2017). Pada hari ini kadar limpahan adalah sebanyak 2,509 kaki padu/saat. Limpahan ini disalurkan melalui sistem Sungai Muda hingga ke laut. Kadar limpahan semasa ini mampu dialirkan oleh Sungai Muda. Pihak MADA ingin menasihatkan supaya orang awam yang melaksanakan aktiviti melalui Sungai Muda ini berwaspada dan mengambil tindakan bersesuaian bagi menjaga keselamatan.

Paras air di Empangan Pedu pula telah mencapai 319.21 kaki (98.87%). Berikutan keadaan paras air dihilir empangan Pedu yang sesuai maka MADA telah membuat pelepasan awal mulai 4 Disember 2017. Perlepasan awal ini dibuat bagi mengawal paras air dalam Empangan Pedu dan hanya dilaksanakan apabila paras Sungai di hilir empangan di aras yang selesa. Pada masa kini 1,000 kakipadu/saat dilepaskan ke dalam sistem sungai dihilir Empangan Pedu.

Pihak MADA sentiasa memantau perlepasan ini untuk memastikan takungan di Empangan Pedu dapat disimpan ke paras yang optima bagi tujuan keperluan domestik dan pengairan. Orang awam juga diminta tidak bimbang berkaitan pelepasan tidak terkawal serta integriti struktur empangan walaupun di dalam keadaan situasi paras air yang penuh.

**Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)**  
**6 Disember 2017**